

26/04/1997

Cuba perbetul anggapan Barat

SIMPOSIUM Antarabangsa Mengenai Dunia Islam dan Kerjasama Global: Persediaan Untuk Abad ke 21 diharap dapat membincangkan beberapa salah faham dan kebimbangan Barat terhadap Islam dan penganutnya.

Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata perbincangan dalam simposium itu penting bagi mendapatkan maklum balas mengenai perkara itu daripada peserta.

"Simposium itu diadakan sebagai lanjutan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Universiti Oxford bertajuk Islam: Agama Yang Disalahfahami," katanya pada majlis perasmian simposium itu di sini, hari ini.

Simposium itu dirasmikan Perdana Menteri yang turut menyampaikan Ucaputama berdasarkan tajuk seminar itu.

Dr Mahathir kemudian mengadakan sesi dialog dengan peserta simposium itu.

Simposium tiga hari itu dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Pusat Kajian Islam Oxford (OCIS).

Seramai 120 peserta termasuk ahli politik, pemimpin agama Islam dan bukan Islam dari 45 negara termasuk Malaysia menghadiri simposium berkenaan.

(END)